



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3/6/2011

## Saranan Malaysia kekang konflik Laut China Selatan

BEGITU menarik sekali apabila Kuala Lumpur meminta Beijing supaya lebih sensitif dan peka apabila berhadapan dengan isu kebimbangan negara ASEAN terhadap tahap permodenan angkatan tentera China (PLA) yang disifatkan mempunyai agenda tersembunyi. Isu tersebut menjadi lebih relevan apabila dikaitkan dengan masalah tuntutan bertindih Kepulauan Spratly yang terletak di Laut China Selatan.

Saranan tersebut disuarakan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menegaskan Beijing selaku kuasa besar perlu menggunakan pengaruh dan kekuatan ketenteraan mereka dengan bijaksana di rantau ini, memandangkan ASEAN adalah negara Sahabat. Bagaimana pun Muhyiddin berkeyakinan Beijing mampu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengekalkan kestabilan rantau ini.

"Namun, saya yakin Beijing tidak akan merosakkan hubungan baik dan kepercayaan ASEAN terhadap negara kuasa besar ini dan ia terbukti apabila China mahu bekerjasama dalam isu Laut China Selatan," ujar beliau ketika menyampaikan ucapan sempena Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-25 anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Nasihat Kuala Lumpur tersebut mempunyai kekuatannya yang tersendiri kerana bagaimana mengiakan kenyataan Muhyiddin, Pegawai Memerintah Pasukan Tentera Laut Pasifik Amerika Syarikat, Laksamana Robert Williard berkata pihak tentera laut AS bercadang mengadakan dialog secara tidak rasmi dengan negara-negara yang terlibat dengan tuntutan bertindih tersebut bagi menjelaskan tujuan kehadiran mereka di Laut China Selatan. Dialog tersebut dianggap penting kerana kehadiran AS mungkin boleh disalah erti bukan sahaja oleh negara ASEAN tetapi juga China.

Memang benar Beijing turut mengambil bahagian dalam Deklarasi Mengenai Tatacara Pihak Berkenaan di Laut China Selatan yang ditanda tangani bersama-sama dengan

Memang benar penyelesaian sebarang masalah perlu dilakukan secara diplomasi di mana rundingan perlu diberi keutamaan. Tetapi masalahnya dengan diplomasi ala Beijing adalah lazimnya ia turut disertakan dengan ugutan ketenteraan secara tersirat dan halus



negara ASEAN pada tahun 2002, tetapi tidak tanduk China selama ini jarang sekali menggambarkan hasrat deklarasi tersebut.

Paling terkini pada 11 Mei lepas umpamanya, dua jet pejuang yang dipercayai milik tentera udara China terbang berhampiran ruang udara Tepian Reed yang terletak dalam gugusan Kepulauan Spratly yang dituntut oleh Filipina dan China. Sebelum itu pada 2 Mac kapal peronda tentera laut China telah mengganggu kerja kapal eksplorasi minyak milik Filipina sehingga menimbulkan ketegangan kedua-dua belah pihak.

Pencerobohan secara berkala dan sistematik yang dilakukan oleh China sejak kebelakangan ini dinilai sebagai pendekatan yang agak agresif dan kurang disenangi oleh negara ASEAN. Modus operandi yang kerap digunakan oleh China adalah dengan menghantar beberapa buah bot milik Jabatan Perikanan China di perairan negara ASEAN sebagai asas untuk menilai apakah tindakan yang bakal diambil oleh negara yang terlibat. Lazimnya label Jabatan Perikanan China hanya digunakan untuk mengaburi status sebenar bot tersebut yang sebenarnya milik Tentera Laut China (PLA-Navy).

Malaysia tidak terkecuali menerima provokasi kerana pada bulan Ogos 2010 yang

lepas beberapa bot 'Jabatan Perikanan China' telah menceroboh perairan negara berdekatan dengan Pulau Layang-Layang yang telah memaksa kapal perang Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mengambil tindakan menghalau penceroboh tersebut.

Negara ASEAN secara individu begitu sukar untuk menongkah kehendak Beijing kerana PIA-Navy terlalu kuat walaupun semua kekuatan tentera laut sepuluh negara ASEAN digabungkan. Pengalaman pahit apabila Manila kehilangan Terumbu Mischieff pada tahun 1995 di tangan China sentiasa menghantui ASEAN. Peristiwa tersebut adalah salah satu sebab utama mengapa ASEAN mewujudkan deklarasi tatacara mengenai Laut China Selatan.

Sebab itu Beijing lebih gemar berurusan dengan negara ASEAN secara individu apabila berhadapan dengan isu tuntutan bertindih kerana sudah pasti kelebihan akan berpihak kepada China. Memang benar penyelesaian sebarang masalah perlu dilakukan secara diplomasi di mana rundingan perlu diberi keutamaan. Tetapi masalahnya dengan diplomasi ala Beijing adalah lazimnya ia turut disertakan dengan ugutan ketenteraan secara tersirat dan halus.

Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat mahupun ASEAN sebagai sebuah pertubuhan dilihat begitu sukar untuk menyekat nafsu Beijing kerana berlandaskan peristiwa lampau negara tersebut tidak akan teragak-agak menggunakan kekuatan tentera untuk merampas hak negara lain. Stra-

tegi baru perlu diselaraskan dengan segera di kalangan negara ASEAN untuk mengekang tindakan agresif China.

Masalah dengan Beijing adalah mereka mahukan sebanyak mungkin apa yang terdapat di Laut China Selatan. Jika negara ASEAN hanya membuat tuntutan terhadap pulau atau terumbu yang berdekatan dengan perairan negara masing-masing, tetapi tuntutan Beijing merangkumi lebih 80 peratus Laut China Selatan. Jika seluruh dunia mengenali kawasan tuntutan bertindih itu sebagai gugusan Kepulauan Spratly, Beijing pula melabelkannya sebagai Kepulauan Nansha.

Tidak keterlaluan jika diandaikan Beijing akan menjadi kuasa besar tunggal yang baru jika hajat mereka memiliki Laut China Selatan terakumulasi kerana dipercayai kawasan tersebut kaya dengan bahan sumber asli seperti minyak dan gas. Pergantungan bekalan minyak dari Asia Barat akan menjadi sejarah lampau jika Beijing memiliki apa yang diidamkan.

Sebab itu minat yang dipamerkan oleh Washington terhadap Laut China Selatan perlu digunakan oleh ASEAN sebaik-baiknya untuk mengekang tindak tanduk Beijing. Bukan mudah untuk menarik perhatian Washington terhadap masalah Laut China Selatan kerana kepentingan strategik AS lebih banyak tertumpu di rantau lain.

ASEAN juga perlu lebih tegas dengan pendirian bahawa sebarang penyelesaian tuntutan bertindih perlu diselesaikan secara keseluruhan dan bukannya secara individu. Persetujuan dua hala di antara salah sebuah negara ASEAN dengan Beijing mengenai eksplorasi secara bersama umpamanya, perlu dielakkan jika ia memberi kemudahan kepada negara ASEAN lain yang membuat tuntutan kawasan yang sama.

**PENULIS** ialah GeoStrategis Institut GeoSpatial UIM dan ahli bersekutu Majlis Profesor Negara